

Peraturan baru untuk belajar di luar negara disambut baik

UM 2 MAR 2002

KUALA LUMPUR 1 Mac — Pelbagai pihak menyambut baik peraturan baru yang mensyaratkan pelajar Malaysia yang ingin mendapat pendidikan di luar negara supaya belajar di institusi yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja.

Mereka berpendapat bahawa peraturan yang akan diperkenalkan itu, akan menjamin imej, kebajikan dan masa depan para pelajar terbabit apabila pulang nanti.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Tengku Habsah Tengku Petra berkata, langkah itu mampu mengelakkan pelajar daripada terjebak dalam sebarang aktiviti yang tidak sihat.

"Dengan cara ini, tidaklah pelajar-pelajar kita akan pergi ke mana-mana dan mendapat maklumat daripada sumber-sumber yang tidak berkepercayaan," katanya ketika di hubungi *Utusan* di sini, hari ini.

"Tbu bapa kini perlu sedar bahawa pendidikan berkualiti terutama dalam bidang agama boleh didapati di negara ini," jelasnya.

Beliau memberi contoh bahawa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mendapat perhatian pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekembalinya daripada bercuti semalam mengumumkan mengenai peraturan baru tersebut.

Ia ekoran penahanan 12 pelajar Malaysia oleh pihak berkuasa Yemen kerana dikatakan belajar di madrasah yang tidak berdaftar di republik itu.

Pemantauan

Menurut Perdana Menteri, peraturan itu antaranya bertujuan membolehkan Wisma Putra menjalankan pemantauan dan menjaga kebajikan pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke negara-negara asing.

Mengulas perkara tersebut, Timbalan Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Lulusan Maktab Semenanjung Malaysia, Ab. Aziz Abdullah menasihatkan orang ramai terutama ibu-bapa agar tidak bersikap prejudis dengan peraturan tersebut.

Ini kerana, menurutnya, langkah terbaru daripada kerajaan itu adalah demi kebaikan dan tidak bertujuan untuk menyekat kebebasan mana-mana pihak.

Yang Dipertua Majlis Guru Besar Malaysia (MGBM), Sanip Suradi berpendapat peraturan tersebut akan membantu negara meningkatkan kualiti pendidikan rakyatnya.

"Ia akan memastikan pelajar mengikuti pengajian dalam bidang yang diperlukan negara dan tidak terpesong daripada tujuan sebenar pada masa akan datang," ujar beliau.

Sanip juga memberitahu bahawa peraturan baru itu mungkin menghalang pelajar tempatan mempelajari agama di luar negara, tetapi akan memastikan perkara yang dipelajari itu adalah tulen dan tepat.

Pengerusi Yayasan Pelajar Islam Malaysia (YPIM), Khalek Awang berkata, peraturan baru kerajaan itu akan menjamin pelajar yang bakal pulang ke tanah air memperoleh pekerjaan selaras dengan kelulusan yang dimiliki.

Katanya, apabila pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi yang diiktiraf oleh kerajaan, sudah pasti sijil yang diperoleh juga mendapat pengiktirafan.

Bagaimanapun, Khalek menyarankan supaya kebebasan rakyat negara ini untuk memilih tempat belajar mereka dikekalkan, tetapi pada masa yang sama sistem pendaftaran dan pemantauan itu perlu dipertingkatkan.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (MPPUTM), Juhazren Junaidi berkata, kerajaan perlu menyenaraikan kriteria-kriteria institusi yang diiktiraf dan yang tidak diiktiraf.

Ujarnya, ia sebagai maklumat kepada bakal pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pilihan mereka.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia (MPPUM), Muhamad Hisomudin Bakar berpendapat, kerajaan perlu menentukan status institusi asing yang bakal dipilih oleh para pelajar demi menjaga nama baik negara.

"Banyak pelajar kita menjalankan aktiviti yang tidak mencerminkan imej negara, apatah lagi jika berada di institusi yang tidak dikenali," katanya.